

22/02/2003

Palestin tetap berusaha bawa Arafat

PALESTIN belum berputus asa untuk membawa Presiden Yasser Arafat menghadiri sidang kemuncak NAM.

Dutanya ke Malaysia, Ahmad Al-Farra, berkata kerajaannya masih menaruh harapan untuk membawa Arafat menghadiri persidangan itu kerana ketua negara hanya mula bermesyuarat lusa.

Katanya, Arafat telah menghantar mesejnya untuk disampaikan kepada pemimpin NAM jika beliau tidak dapat hadir.

"Saya minta maaf kerana tidak dapat mendedahkan (kandungan) mesej itu... saya harap anda faham," katanya, semalam.

Beliau berkata, walaupun Arafat tidak dihalang oleh pihak berkuasa Israel untuk meninggalkan Palestin, kerajaannya memerlukan jaminan dari segi keselamatan pemimpin itu untuk pergi dan balik dari menghadiri persidangan berkenaan.

Kerajaan Palestin sedang melakukan segala usaha perlu untuk mendapatkan jaminan keselamatan berkenaan.

Kelmarin, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata Malaysia boleh menolong Yasser Arafat menghadiri NAM tetapi niat Israel untuk mengusirnya dari Palestin mungkin menjadi kenyataan.

Perdana Menteri berkata, masalahnya bukan saja untuk Arafat datang ke sini tetapi sama ada pemimpin Palestin itu boleh pulang semula berikutan hasrat Israel untuk mengusir Arafat dari bumi Palestin.

Sementara itu, Al-Farra berharap NAM kali ini mengambil pendirian lebih tegas dalam isu Palestin bagi menamatkan kekejaman Israel.

Katanya, mengutuk kekejaman Israel saja tidak mencukupi untuk menghentikan kekejaman Israel, sebaliknya ia perlu disusuli dengan tindakan tegas termasuk sekatan ekonomi dan politik.

"Sidang NAM kali ini perlu menerima resolusi yang praktikal dalam isu Palestin, iaitu dengan memboikot semua aktiviti import dan eksport ke atas barangan Israel serta memboikot dari segi hubungan politik.

"Kita sedar ada kalangan anggota NAM sudah pun memboikot barangan Israel tetapi tidak memberi sebarang kesan, justeru kita minta semua negara anggota supaya sepakat mengambil tindakan sama," katanya.